

# Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) dalam Pembangunan Profesionalisme Keguruan: Satu Tinjauan Literatur

*(Professional Learning Community (PLC) in Teacher Professionalism Development: A Literature Review)*

Mohd Hashiq Hashim<sup>1\*</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Sains Kemanusiaan, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Perak, Malaysia

\*Pengarang Koresponden: [hashiq@moe.edu.my](mailto:hashiq@moe.edu.my)

Received: 20 January 2024 | Accepted: 5 March 2024 | Published: 31 March 2024

DOI: <https://doi.org/10.55057/jdpd.2024.6.1.32>

**Abstrak:** Komuniti pembelajaran profesional atau lebih dikenali sebagai professional learning community (PLC) merupakan amalan atau budaya yang dipraktikkan dalam kalangan guru di sekolah bertujuan untuk menambahbaik kaedah pembelajaran serta tahap prestasi murid. Kertas konsep ini dibuat bagi meneliti serta membincangkan keperluan bagi membangunkan profesionalisme keguruan khususnya melalui pembudayaan PLC di sekolah menerusi amalan kolaboratif. Terdapat pelbagai pandangan serta pendapat daripada pengkaji-pengkaji lepas berkaitan komuniti pembelajaran profesional dalam memastikan pembangunan guru secara profesional dapat dilaksanakan secara berterusan. Hasil daripada tinjauan literatur yang dibuat, dapat disimpulkan bahawa terdapat pelbagai kebaikan dalam pembudayaan PLC di sekolah khususnya dalam meningkatkan kompetensi seorang guru di samping menjamin kemenjadian murid. Dapatan daripada kertas konsep ini diharapkan dapat memberikan impak yang positif kepada guru untuk menjadi lebih berkualiti pada masa akan datang. Kesimpulannya, pelaksanaan PLC di sekolah mampu untuk membangunkan profesionalisme keguruan selaras dengan Pelan Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK).

**Kata Kunci:** Komuniti Pembelajaran Profesional, Amalan, Guru, Kolaboratif, Pembangunan

**Abstract:** Professional learning community or better known as professional learning community (PLC) is a practice or culture that is practiced among teachers in schools with the aim of improving learning methods and student performance. This concept paper was created to examine and discuss the need to develop teacher professionalism with the inculcation of PLC in schools through collaborative practices. There are various views and opinions from past researchers related to the professional learning community in ensuring the professional development of teachers can be carried out continuously. As a result of the literature review made, it can be concluded that there are various advantages in PLC culture in schools, especially in improving the competence of a teacher in line with the development of students. Findings from this concept paper are expected to have a positive impact on teachers to become more quality in the future. In conclusion, the implementation of PLC in schools is able to develop teacher professionalism correspond to the Teacher Professionalism Development Plan (PIPPK).

**Keywords:** Professional Learning Community, Practice, Teacher, Collaborative, Professionalism Development

## 1. Pendahuluan

Pada era globalisasi ini, perkembangan teknologi membawa kepada pembangunan yang begitu pesat khususnya dalam dunia pendidikan. Terdapat pelbagai cabaran yang perlu ditempuhi oleh guru-guru pada masa kini dalam memastikan kemenjadian murid di sekolah. Oleh hal yang demikian, Komuniti Pembelajaran Profesional atau lebih dikenali sebagai Professional Learning Community (PLC) merupakan budaya yang amat penting dalam memastikan pembangunan profesionalisme keguruan dapat dicapai secara berterusan.

Menurut Mohd Faiz dan Jamal (2015), PLC merupakan amalan kolaboratif dalam kalangan guru dan pemimpin sekolah yang komited dalam menetapkan matlamat dan membina wawasan secara kolektif untuk mencapai matlamat yang ditetapkan. Amalan kolaboratif merupakan salah satu amalan yang penting khususnya dalam profesionalisme keguruan untuk mencapai sesebuah matlamat di sekolah (Carpenter, 2018; Lummis, 2001). Menurut Nur Asyikin et al. (2021), pembudayaan kolaboratif dalam kalangan guru dapat membantu dalam proses perubahan serta meningkatkan prestasi murid. Oleh itu, PLC amat penting dalam pembangunan profesionalisme keguruan menerusi budaya kerja secara kolaboratif.

Arus pemodenan dalam dunia pendidikan yang dinamik menuntut pelbagai perubahan yang perlu dilakukan untuk memastikan pembangunan profesionalisme keguruan kekal relevan. Menurut Hoyle (1982), pembangunan profesional guru melibatkan satu usaha yang menuntut guru-guru memperluaskan ilmu pengetahuan serta kemahiran yang diperlukan dalam memastikan proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dapat dijalankan secara berkesan. Walau bagaimanapun, situasi tersebut sukar untuk berlaku apabila kurangnya sokongan dan bimbingan daripada pihak-pihak tertentu di dalam sektor pendidikan (Muhammad Faizal et al., 2016; Wilson & Berne, 2016). Oleh hal yang demikian, amalan kolaboratif harus disuntik dalam kalangan guru bermula daripada sekolah untuk meningkatkan lagi pembangunan profesional guru serta penambahbaikan sekolah dapat dicapai (Waldron & McLeskey, 2010).

Secara amnya, pembelajaran murid di dalam bilik darjah amat dipengaruhi oleh tingkah laku guru (Fullan & Miles, 2015; Syahrwan et al., 2015). Situasi tersebut menunjukkan bahawa seseorang guru perlu peka dalam meningkatkan kualiti melalui pembangunan profesional secara berterusan agar matlamat sesebuah pendidikan dapat direalisasikan. Terdapat tiga aspek yang dititikberatkan untuk mencapai sesebuah matlamat pendidikan iaitu sumber pengajaran, pendekatan serta kepercayaan atau pegangan (Fullan, 2007; Nur Asyikin et al., 2021). Tidak dinafikan bahawa terdapat banyak cabang dalam pembangunan profesionalisme keguruan yang bertujuan untuk meningkatkan kualiti, kerjaya serta kebajikan guru. Oleh itu, budaya PLC perlu diteliti dengan serius bagi menjamin pembangunan profesionalisme keguruan dapat dijalankan secara berterusan seiring dengan perkembangan teknologi.

## 2. Definisi dan Konsep Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC)

Komuniti Pembelajaran Profesional (PLC) didefinisikan sebagai sekumpulan guru yang komited dan berkolaboratif secara berterusan untuk meningkatkan kualiti guru dalam merealisasikan kemenjadian murid (KPM, 2019). Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah menggariskan tiga konsep dalam proses PLC iaitu Focus (penekanan kepada data, intervensi dan pemantauan berterusan), Improve (mempercepat proses pembedahan dan penambahbaikan) dan Share (perkongsian pengalaman, kepakaran dan amalan terbaik).

Berdasarkan daripada pernyataan tersebut, amalan kolaboratif merupakan asas dalam pelaksanaan PLC di institusi pendidikan.

Konsep PLC telah lama diperkenalkan seperti yang dibahaskan oleh Hord (1997) yang menyatakan komuniti profesional di sekolah merujuk kepada guru dan pentadbir yang mencari dan berkongsi amalan pembelajaran secara berterusan serta bertindak mengikut pembelajaran mereka. Konsep ini diadaptasi daripada Louis dan Kruse (1995) yang menyatakan komuniti pembelajaran di sekolah merujuk kepada pihak daripada pelbagai peringkat bekerja secara kolaboratif secara berterusan dalam menyelesaikan isu-isu berkaitan pengajaran dan pembelajaran. Pada masa yang sama, Sergiovianni (1994) menekankan bahawa inkuiri merupakan salah satu aspek yang penting semasa berkolaboratif dalam kalangan warga pendidik untuk mengatasi isu yang timbul di sekolah.

Menurut Suwalska (2020), konsep PLC merupakan salah satu reformasi daripada konsep organisasi pembelajaran. Jika dilihat daripada kenyataan tersebut, sesebuah organisasi pembelajaran memerlukan reformasi selaras dengan arus perubahan yang berlaku dari semasa ke semasa. Oleh hal yang demikian, proses perubahan dalam sesebuah organisasi pendidikan merupakan asas yang penting untuk mencapai kejayaan dalam matlamat pendidikan yang ditetapkan (Nur Asyikin et al., 2021). Menurut Wang et al. (2010), guru memainkan peranan penting dalam menjayakan reformasi pendidikan. Walau bagaimanapun, Forrest (2019) menyatakan bahawa terdapat guru yang menolak perubahan walaupun sedar akan kepentingan perubahan untuk meningkatkan kualiti pendidikan.

Berdasarkan Hip dan Huffman (2003), amalan pembelajaran sepanjang hayat guru di sekolah dapat menambahbaik sekolah serta pembelajaran murid. Situasi sedemikian menunjukkan bahawa guru perlu mengamalkan pembelajaran secara berterusan demi meningkatkan ilmu pengetahuan agar dapat membawa perubahan serta mencapai matlamat pendidikan yang hendak dicapai (Zuraidah, 2009). Selaras dengan Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 digariskan dalam Anjakan 4 yang menyatakan bahawa guru yang berkualiti akan menentukan kemenjadian murid di sekolah. Oleh itu, guru harus meningkatkan tahap kemahiran mereka secara berterusan untuk menghasilkan modal insan yang cemerlang dari aspek jasmani, emosi, rohani dan intelek.

### **3. Pembangunan Profesionalisme Keguruan**

Secara amnya, pembangunan profesionalisme membawa maksud kepada satu usaha individu untuk meningkatkan kemahiran, sifat dan kecekapan yang menyumbang kepada kejayaan di sesebuah organisasi (OECD, 2009; Muhammad Faizal, 2016). Istilah pembangunan profesionalisme keguruan memfokuskan kepada proses pembangunan guru yang menjurus kepada tahap ilmu serta pengajaran mereka sama ada secara formal atau tidak formal (Ganser, 2000; OECD, 1998). Situasi sedemikian menunjukkan bahawa pembangunan profesionalisme keguruan berkait rapat dengan pembelajaran sepanjang hayat khususnya dalam peningkatan kompetensi seseorang guru.

Secara khusus, terdapat tiga fasa profesionalisme keguruan di Malaysia yang digariskan dalam Pelan Induk Pembangunan Profesionalisme Keguruan (PIPPK) iaitu fasa praperkhidmatan, fasa awal perkhidmatan dan fasa pementapan kerjaya. Ketiga-tiga fasa ini menuntut seseorang guru atau Pegawai Perkhidmatan Pendidikan (PPP) untuk meningkatkan prestasi serta kualiti kerja secara berterusan. Pelan ini turut menekankan model Pembangunan Profesionalisme Berterusan (PPB) untuk mengekalkan kompetensi keguruan. Menurut Ruslina et al. (2020),

pelaksanaan PBB ini perlu dititikberatkan oleh guru untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran melalui pelbagai proses latihan.

Pada asasnya, pembangunan profesionalisme keguruan berkait rapat dengan pembangunan sendiri seseorang individu. Menurut Vygotsky (1978), pembangunan seseorang individu harus disokong oleh individu lain yang lebih berpengetahuan dan berkemahiran. Oleh hal yang demikian, guru perlu sentiasa bersedia dengan perubahan yang berlaku khususnya dalam bidang pendidikan untuk terus membangunkan kompetensi keguruan secara berterusan. Terdapat beberapa model pembelajaran yang berbentuk kolaborasi yang dibahaskan oleh Al-Jammal (2015), untuk membangunkan profesionalisme keguruan seperti bimbingan rakan, kumpulan pembelajaran, pemetaan kurikulum, kajian tindakan, rangkaian komuniti pembelajaran profesional serta komuniti pengamal.

Secara rumusan, terdapat pelbagai cabang yang perlu ditelusuri sebagai seorang guru untuk meningkatkan tahap profesionalisme keguruan selaras dengan perkembangan pendidikan. Namun demikian, Noor et al. (2014) menegaskan bahawa aktiviti pembangunan profesional harus dinilai untuk memberikan impak yang menyeluruh kepada guru. Terdapat empat dimensi yang dicadangkan oleh Sudarwan (2018) dalam meningkatkan pembangunan profesionalisme keguruan iaitu kompetensi pedagogi, kompetensi professional, kompetensi personal dan kompetensi sosial.

#### **4. Tinjauan Kajian Lepas**

Terdapat beberapa kajian lepas yang membahaskan tentang komuniti pembelajaran profesional yang berfokus kepada pembangunan profesionalisme keguruan. Seperti yang telah dibahaskan pada bahagian yang lepas, PLC merupakan amalan berkolaborasi di antara warga pendidik di sekolah. Menurut Smith et al. (2016), ciri PLC yang berjaya dalam kalangan guru termasuk mewujudkan tujuan yang jelas dan focus bersama yang menarik kepada ahli kumpulan, memanfaatkan sumber luar yang boleh dicontohi serta menggunakan kitaran perancangan, bertindak dan menyemak keputusan yang bermatlamatkan fokus PLC.

Tidak dinafikan bahawa pembudayaan PLC menekankan amalan kolaboratif di antara guru-guru untuk meningkatkan kompetensi terutamanya dalam kemenjadian murid. Kajian Radin dan Yasin (2018) memetik bahawa pembudayaan kolaboratif di sekolah amat perlu untuk menyesuaikan diri melalui aspek kemahiran sosial dan antara budaya. Bukan itu sahaja, PLC juga dianggap sebagai salah satu platform untuk berkolaborasi khususnya dalam menyelesaikan isu-isu pembelajaran di sekolah (Tam, 2014) serta membolehkan guru berkongsi pendapat dan pengalaman yang berlandaskan pengajaran dan pembelajaran di sekolah (Nur Asyikin et al., 2021; Roslizam et al., 2018). Dapatan kajian Antinlouma et al. (2021) turut menunjukkan budaya PLC di sekolah meningkatkan pengetahuan serta pengajaran guru di kelas.

Pendapat Sudarwan (2018) menyatakan bahawa pembangunan profesional keguruan harus dijalankan secara berterusan untuk memenuhi permintaan pendidikan semasa dan masa hadapan. Hal ini amat jelas menunjukkan bahawa seseorang guru itu tidak digalakkan untuk berada di zon selesa dengan menolak kepada sebarang perubahan. Situasi ini dapat digambarkan oleh Mupa dan Chinooneka (2015) yang menekankan bahawa guru perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam tentang penyampaian pengajaran dan pembelajaran yang efektif dan hal ini boleh dicapai melalui budaya kolaboratif antara guru terutamanya apabila berkongsi pelbagai pendapat dan maklumat tentang isu-isu pembelajaran.

Tambahan itu, pelaksanaan PLC juga boleh dilaksanakan secara dalam talian untuk memudahkan guru yang berada di kawasan pedalaman. Menurut Ma et al. (2021), guru perlu bersedia dengan penggunaan teknologi untuk memudahkan pelaksanaan PLC secara dalam talian. Terdapat beberapa jenis PLC secara dalam talian yang sering digunakan seperti dibahaskan oleh Gurumoorthy et al. (2021) dan Iksan et al. (2021) iaitu dialog prestasi maya (virtual performance dialog), jelajah pembelajaran maya (virtual learning walk), bimbingan rakan sekerja maya (virtual peer coaching) dan sesi perkongsian guru maya. Situasi sedemikian menunjukkan bahawa pelaksanaan PLC secara dalam talian mampu merapatkan jurang yang wujud di antara guru agar lebih berkolaboratif di samping meningkatkan kompetensi keguruan.

Amalan kolaboratif semasa PLC secara formal dan tidak formal membolehkan guru berkongsi pengetahuan dan kemahiran. Matlamat utama perbincangan adalah untuk meningkatkan pembelajaran murid. Para guru perlu bersedia untuk bekerjasama dengan berkongsi idea dan amalan mereka (Yee, 2019). Dengan mempelajari kemahiran abad ke-21 dalam pengajaran dan pembelajaran melalui PLC, guru-guru dapat berkongsi pengetahuan tentang kaedah pengajaran berkesan yang boleh dijalankan di dalam bilik darjah (Fullan, 2000). Pembudayaan PLC dapat meningkatkan pencapaian murid dan menggalakkan penambahbaikan sekolah. Kerjasama antara guru dan sekolah boleh dicapai sekiranya terdapat matlamat yang jelas dan eksplisit (Schmoker, 2004). Guru yang bersikap terbuka dan bersedia untuk kolaboratif dalam berkongsi amalan terbaik akan memberikan impak yang positif (Owen, 2014).

## 5. Perbincangan Kajian

Secara umumnya, kertas ini membincangkan tentang pembudayaan PLC melalui amalan kolaboratif bertujuan untuk meningkatkan profesionalisme keguruan. Sekolah merupakan institusi yang penting dalam membentuk satu masyarakat yang berpengetahuan tinggi serta melahirkan modal insan yang menjadi tunjang pembangunan kepada negara. Terdapat pelbagai pendapat yang dibahaskan oleh pengkaji lepas berkaitan PLC dan pembangunan profesionalisme keguruan. Dua komponen ini amat berkait rapat terutamanya dalam mencapai sesebuah matlamat pendidikan dan kemenjadian murid di sekolah. Seperti yang ditegaskan oleh Jeffri et al. (2019), PLC merupakan amalan yang amat penting dalam meningkatkan kualiti pendidikan serta mewujudkan sekolah yang berkesan selaras dengan perubahan yang begitu pesat dalam dunia pendidikan.

Jika dilihat pada sudut pembelajaran sepanjang hayat seperti yang dibahaskan oleh Hord (1997) dan Hipp (2003), guru seharusnya mengambil inisiatif yang tinggi melalui pembangunan profesional sebagai salah satu cara dalam meningkatkan kompetensi diri. Hal ini demikian kerana proses pembelajaran sepanjang hayat ini bertujuan untuk meningkatkan perkembangan guru mengikut fasa demi fasa (Zuraidah, 2009). Sehubungan dengan itu, PIPPK turut menerangkan tentang fasa praperkhidmatan, fasa awal perkhidmatan dan fasa pementapan kerjaya yang menuntut seseorang guru itu sentiasa meningkatkan kompetensi agar menjadi seorang guru yang berkualiti. Menurut Rahmat (2021), pembelajaran sepanjang hayat mampu untuk meningkatkan literasi seseorang individu terutamanya melalui pembudayaan amalan kolaborasi.

Pelaksanaan PLC amat bergantung dengan amalan berkolaboratif dalam kalangan guru. Terdapat banyak matlamat pendidikan yang boleh dicapai melalui amalan ini kerana para guru dapat berbincang tentang isu-isu pengajaran dan pembelajaran serta berkongsi maklumat-maklumat baharu berkaitan pendidikan serta amalan terbaik untuk meningkatkan lagi profesionalisme keguruan. Walau demikian, Zhang et al. (2017) berpendapat bahawa amalan

kolaborasi profesional secara berterusan bukanlah perkara yang boleh dicapai dengan mudah. Situasi sedemikian berpunca daripada guru yang lebih suka mengasingkan diri kerana mempunyai kurang kesedaran dan kemahiran untuk berkolaborasi (Siti et al., 2018). Oleh hal yang demikian guru perlu bersifat terbuka untuk melibatkan diri dalam aktiviti kolaborasi untuk menyelesaikan sesuatu masalah berkaitan pendidikan dengan lebih efektif.

Hasil daripada tinjauan literatur yang dijalankan, budaya kolaborasi sememangnya dapat dicapai melalui PLC selari dengan peningkatan profesionalisme keguruan. Menurut Kamarudin et al. (2019), kolaborasi merupakan amalan yang begitu berkesan khususnya dalam pembangunan profesional berterusan, meningkatkan pembelajaran murid serta memberikan peluang kepada guru untuk meningkatkan kemahiran pengajaran. Tinjauan di negara luar seperti United Kingdom menunjukkan bahawa kaedah kolaborasi melalui PLC dapat menambahbaik konsistensi guru dalam pengajaran (De Jong et al., 2021). Oleh itu, amalan kolaborasi di antara guru harus dicontohi terutamanya bagi guru-guru yang berada di fasa praperkhidmatan dan fasa awal perkhidmatan agar pembangunan profesionalisme keguruan dapat dicapai.

Kajian Kamarudin et al. (2019) turut memetik beberapa budaya kolaborasi yang membolehkan guru untuk bertukar pendapat, idea dan pengalaman tentang pengajaran. Antara budaya yang disebutkan ialah pengasingan, kolaborasi, kejeleketan, *balkanization* dan *moving mosaic*. Budaya kolaborasi ini seharusnya dipraktikkan dalam kalangan guru di sekolah bagi meningkatkan kompetensi di samping melahirkan guru yang berkualiti selaras dengan PIPPK. Tidak dinafikan bahawa budaya PLC melalui amalan kolaborasi memberikan pelbagai manfaat kepada seseorang guru seperti dapat membangunkan nilai kepercayaan dan kebergantungan yang positif sesama guru, meningkatkan efikasi sendiri, mengurangkan budaya pengasingan dan mewujudkan sistem sokongan sosial serta meningkatkan pembelajaran murid (Bantwini, 2019; Stoll & Louis, 2007). Oleh hal yang demikian, amalan kolaborasi perlu dilakukan secara berterusan khususnya dalam mewujudkan komuniti pembelajaran yang profesional.

## 6. Kesimpulan

Sebagai kesimpulannya, komuniti pembelajaran profesional atau PLC merupakan asas yang penting dalam pembentukan guru yang berkualiti. Kertas ini telah membincangkan sedikit sebanyak tentang pembudayaan PLC melalui amalan kolaboratif yang mampu meningkatkan kompetensi guru. Melalui PLC, guru-guru boleh berkongsi maklumat, bertukar pendapat, membincangkan isu-isu dalam pengajaran dan pembelajaran, mencari solusi dan membentuk hala tuju sekolah yang lebih berkesan untuk melahirkan modal insan yang cemerlang dari aspek pendidikan. Tidak dinafikan bahawa arus pemodenan telah membawa kepada perubahan yang begitu pesat dalam dunia pendidikan. Oleh itu, guru-guru harus bersedia dan memupuk amalan kolaboratif melalui PLC untuk menghadapi pelbagai cabaran khususnya dalam memastikan kemenjadian murid pada masa akan datang kelak.

## Rujukan

- Al-Jammal, K. (2015). School as professional learning communities: The case of Lebanese private schools. *The International Journal of Humanities & Social Studies*, 3(10), 1-23.
- Antinlouma, M., Illomaki, L., & Toom, A. (2021). Practices of professional learning communities. *Frontiers in Education*, 6, 1-14.
- Bantwini, B.D. (2019). Developing a culture of collaboration and learning among natural

- science teachers as a continuous professional development approach in a province in South Africa. *Teacher Development*, 23(2), 213-232.
- Carpenter, Peter & Sundin (2009). Professional learning communities: A case study of three elementary schools. Ed.D. dissertation, Wilmington University (Delaware), United States -Delaware. Retrieved March 25, 2023, from Dissertations & Theses: Full Text database. (Publication No. AAT 3342825).
- De Jong, L., Meirink, J., & Admiraal, W. (2021). Teacher learning in the context of teacher collaboration: connecting teacher dialogue to teacher learning. *Research Papers in Education*, 37(6), 1165-1188.
- Fullan, M. (2007). *The new meaning of educational change*. 4th. Ed. Change. Teacher College Press.
- Fullan, M. (2000). The three stories of education reform. *The Phi Delta Kappan*, 81(8), 581-584.
- Fullan, M., & Miles, M. B. (2015). Getting reform right: What works and what doesn't. *Phi Delta Kappan*, 73, 745-752.
- Forrest, R., Lowe, R., Potts, M., & Poyser, C. (2019). Identifying the factors that influence teacher practice change in a single case study. *Educational Psychology in Practice*, 35(4), 395-410.
- Ganser, T. (2000). An ambitious vision of professional development: The case of Irish second-level teachers. *Journal of European Industrial Training*, 22(9), 375-387.
- Gunasegaran Karuppanan, Hatnin Duari & Heng Sze Phing. (2022). Hubungan antara amalan profesional komuniti pembelajaran (PLC) dan efikasi guru: Analisis kuantitatif ke atas guru sekolah menengah. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 21-33.
- Gurumoorthy Poobalan, Junaidi Asman, Roslee Talip, Shanmuganathan Mookan, Rosna Padan, Sukuneswari Kaliappan, Nazibah Binti Mohd Yusoff, Jusini Tampolong. (2021). PLC dalam konteks PDPR. Unpublished manuscript.
- Hord, S. (1997). Professional learning communities: communities of continuous inquiry and improvement. *Leadership*, 40(1), 58-59.
- Hoyle, E. (1982). The professionalization of teachers: A paradox. *British Journal of Educational Studies*, 30(2), 161-171.
- Huffman, J. B. and Hipp, UK. (2003) Professional Learning Community Organizer, in J. B. Huffman and K.K. Hipp (eds) *Professional Learning Communities: Initiation to Implementation*. Scarecrow Press.
- Iksan, Z., Mohamad Ariffin, R. 'Aqilah, & Syed Imam, S. S. J. (2021). Membina pembangunan insan melalui kolaboratif guru dalam komuniti pembelajaran profesional. *Sains Insani*, 6(1), 105-112.
- Jeffri Mat Yasim, Azlin Norhaini Mansor, & Aida Hanim Ab Hamid. (2019). Kepimpinan instruksional abad ke 21 dalam amalan komuniti pembelajaran profesional dalam kalangan guru besar di Malaysia. *ASEAN Comparative Education Research Journal on Islam and Civilization (ACER-J)*, 3(2), 21-37.
- Kamarudin Ismail, Rosnah Ishak, Fanny Khoo Chee Yuet, Siti Hajar Kamaruddin. (2019). Komuniti pembelajaran profesional sebagai budaya kolaborasi profesional sekolah: Teori dan amalan. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(4), 261-273.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2019). *Kit PLC Professional Learning Community*. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Louis, K. S., & Kruse, S. D. (1995). *Professionalism and community: Perspectives on reforming urban schools*. Corwin Press.
- Lummis, B. (2001). *Guide to collaborative culture and shared leadership*. Center for Collaborative Education.
- Ma, K., Chutiyami, M., Zhang, Y., & Nicoll, S. (2021). Online teaching self-efficacy during

- COVID-19: Changes, its associated factors and moderators. *Education and Information Technologies*.
- Mohd Faiz Mohd Yaakob & Jamal Nordin Yunus. (2015). Konsep komuniti pembelajaran profesional, kepimpinan dan transformasi sekolah kepada komuniti pembelajaran profesional. *Seminar Nasional Pengurusan dan Kepimpinan Pendidikan*, 4.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Abdul Khalil Adnan, Zaharah Hussin, Norfariza Mohd Radzi, Ainoor Mahfuzah Ahmad, & Faisol Elham. (2016). Program pembangunan profesionalisme guru sekolah berprestasi tinggi. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 3(3),76-103.
- Mupa, P., & Chinooneka, T. I. (2015). Factors contributing to ineffective teaching and learning in primary schools: Why are schools in decadence?. *Journal of Education and Practice*, 6(19), 125-132.
- Noor Lela Ahmad, Hariyaty Ab Wahid, Hazianti Abdul Halim, Zuraidah Ismail, & Normala Abd Rani. (2014). Amalan pembangunan profesional (ldp) dalam kalangan guru sekolah menengah daerah Manjung.
- Nur Asyikin Ab Latif, Mohd Izham Mohd Hamzah, & Mohammed Yussof Mohd Nor. (2021). Perubahan guru dalam amalan dan pegangan: Peranan kolaborasi. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(1), 279-288.
- OECD. (2009). *The professional development of teachers*. OECD Observer.
- OECD. (1998). *Education at a Glance 1998*. OECD Indicators.
- Owen, S. (2014). Teacher professional learning communities: Going beyond contrived collegiality toward challenging debate and collegial learning and professional growth. *Australian Journal of Adult Learning*, 54(2), 54-76.
- Radin, M., & Yasin, M. A. (2018). Pelaksanaan pendidikan abad Ke-21 di Malaysia: Satu tinjauan awal. *Sains Humanika*, 10(3-2), 1-6.
- Rahmat Fadli. (2021). Implementasi kompetensi pembelajaran sepanjang hayat melalui program literasi di perpustakaan sekolah. *Jurnal Kajian Informasi & Perpustakaan*, 9(1), 19-38.
- Roslizam Hassan, Jamilah Ahmad, & Yusof Boon. (2018). Professional Learning Community in Malaysia. *International Journal of Engineering & Technology*, 7(3.30), 433.
- Ruslina Ibrahim, Helmi Norman, Norazah Nordin, & Khairol Azwar Mazin. (2020). Research trends in ICT and education: A systematic review of continuous professional development courses for online educators. *Journal of Physics: Conference Series*, 1529(4).
- Sergiovianni, T. J. (1994). *Building community in schools*. Jossey- Bass.
- Schmoker, M. (2004). *Learning communities at the crossroads: Toward the best schools we've ever had*. *The Phi Delta Kappan*, 86(1), 84-88.
- Smith, R., Ralston, N., & Naegele, Z. (2016). Professional development through PLCs: Method for measuring PLC efficacy. *Education Faculty Publications and Presentations*. 39.
- Waldron, N. L., & McLeskey, J. (2010). Establishing a collaborative school culture through comprehensive school reform. *Journal of Educational and Psychological Consultation*, 20(1), 58-74.
- Siti Nafsiah Ismail, Zuraidah Abdullah, Abdul Jalil Othman, & Salwati Shafie. (2018). Amalan Komuniti Pembelajaran profesional dalam kalangan guru Bahasa Melayu di Selangor. *Jurnal Kepimpinan Pendidikan*, 5(4), 1-19.
- Stoll, L., & Louis, K. S. (2007). *Divergence, depth and dilemmas*. Open University Press.
- Sudarwan Danim. (2018). Integrated management model of teacher training institution at the provincial level. *Advance in Social Science, Education and Humanities Research*, 174, 217-221.
- Suwalska, A. (2020). Professional learning communities in the contemporary basic education



- in Finland. *Yearbook of Pedagogy*, 2020, 81-94.
- Syahruan Azan Ngamid, Nur Surayyah Madhubala Abdullah, & Asmawati Suhid. (2015). Perapatan Hubungan Guru Dan Murid Serta Pengaruhnya terhadap Tingkah Laku Moral. *Jurnal Perspektif*, 1, 72-83.
- Tam, A.C.F. (2014). The role of a professional learning community in teacher change: A perspective from beliefs and practices. *Teachers and Teaching: Theory and Practice*.
- Vygotsky, L. S. (1978). *Mind in society: The development of higher psychological processes*. Harvard University press.
- Wang, J., Odell, S. J., Kleca, C. L., Spalding, E., & Lin, E. (2010). Understanding teacher education reform. *Journal of Teacher Education*, 61(5), 395-402.
- Wilson, S. M., & Berne, J. (2016). Teacher learning and the acquisition of professional knowledge: An examination of research on contemporary professional development. Dalam A. Iran-Nejad and P. D. Pearson (Eds.), *Review of Research in Education*, 24, 173–209.
- Yee, B. (2019). Penggunaan komuniti pembelajaran profesional dalam perubahan guru melalui Program Transformasi Sekolah 2025(TS25) di sekolah rendah Malaysia. *Prosiding Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan (SPPK) 2019*, 620-629.
- Zhang, J., Yuan, R., & Yu, S. (2017). What impedes the development of professional learning communities in China? Perceptions from leaders and frontline teachers in three schools in Shanghai. *Educational Management Administration & Leadership*, 45(2), 219-237.
- Zuraidah Abdullah. (2009). Pembentukan komuniti pembelajaran profesional: Kajian terhadap sekolah menengah di Malaysia. *Jurnal Manajemen Pendidikan UNY*, 5(2), 79-95.